



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 7/1973**

*Pindah Milik Atas Bahagian Yang Tak Dipecah Kepada
Tuan Punya Sendiri Dan Bayaran Cukai Setem Bagi
Pindah Milik Itu*

Pekeliling ini adalah dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah berkenaan dengan kedudukan pindah milik bahagian tanah oleh tuannya kepada dirinya sendiri dan juga berkenaan pembayaran cukai setem ke atas pindahmilik tersebut.

2. Seksyen 214(1)(a) Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa tuan tanah tidak boleh memindahmilik sebahagian sahaja daripada tanahnya (miliknya) dan seksyen 214(1)(b) pula tidak membolehkan tuan punya bahagian (co-proprietor) memindah sebahagian sahaja daripada bahagiannya yang tidak dipecahkan. Walau bagaimanapun, telah menjadi kebiasaan bagi seorang tuan tanah ataupun tuan punya bahagian (co-proprietor) memindahkan semua tanahnya atau semua bahagiannya kepada dirinya sendiri berkongsi dengan seorang lain ataupun orang-orang lain. Cara ini telah diakui betul menurut satu keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes "Originating Motion 52 of 1972". Di antara Peter Lai Khee Chin & Susie Chen Mei Cheng (P) dan Pemungut Cukai Setem. Kes tersebut melibatkan pemindahan milik semua tanahnya (miliknya) oleh Peter L.K.C kepadanya sendiri sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian kepada Susie C.M.C (P) $\frac{1}{2}$ bahagian. Di dalam keputusannya Hakim Mahkamah telah berkata " Pada pendapat saya halangan yang dimaksudkan oleh seksyen 214(1)(a) Kanun Tanah Negara ialah bermaksud kita tidak boleh memindahkan hanya sebahagian sahaja daripada tanah milik kita itu. Yang demikian adalah betul jika dinyatakan bahawa pemindahan milik yang dimaksudkan itu tidak melanggar kehendak-kehendak seksyen yang tersebut."

3. Amalan sekarang sebelum diteruskan iaitu jika surat milik itu dibuat oleh tuan tanah atau tuannya bahagian memindahmilik kesemuanya tanah atau bahagiannya kepada ianya sendiri dan berkongsi dengan seorang atau orang-orang lain maka surat pindahmilik itu bolehlah diterima untuk didaftarkan.

4. Dalam kes tersebut keputusan mengenai pembayaran cukai setem bagi tanah yang tidak dipecahkan yang telah dipindahkan oleh tuannya kepada ianya sendiri iaitu $\frac{1}{2}$ bahagian yang telah dipindahkan kepada Peter Lai Khee Chin, Tuan Hakim menyatakan "Pemindahan $\frac{1}{2}$ bahagian daripada yang menuntut (Peter L.K.C.) kepada ianya sendiri adalah termasuk di dalam pengecualian seksyen 16(4) Ordinan Setem 1949. Seksyen 16(4) Ordinan Setem adalah tegas bermaksud bahawa pemindahan yang tidak mendatangi faedah atau keuntungan kepada yang menerima harta yang dipindahkan itu, tidak dikenakan cukai setem, walaupun ada satu keputusan dalam kes *Re Robbs Contract* yang berkaitan dengan perkara ini".

5. Di dalam keputusannya yang tersebut Tuan Hakim juga mengarahkan Pemungut Cukai Setem supaya mengembalikan kepada yang menuntut (Peter L.K.C. & Susie C.M.C(P) jumlah wang sebanyak \$227/- yang mereka telah bayar berlebihan (iaitu $\frac{1}{2}$ bahagian \$454/- cukai setem yang dikira atas nilai pasaran sebanyak \$45,400/-). Sungguhpun perintah telah dibuat untuk mengembalikan (refund) cukai setem dalam kes tersebut tetapi Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah tidak perlu mengambil apa-apa tindakan untuk mengembalikan wang cukai setem yang telah dikutip di atas bahagian yang dipindahkan oleh tuannya kepada ianya sendiri oleh kerana kutipan yang telah dibuat itu bukanlah satu kesilapan pada masa itu dan 'refund' menurut perenggan 87(a)(ii) atau 87(b) Arahan Perbendaharaan tidaklah terpakai. Tindakan yang harus diambil ialah oleh orang yang terlibat itu sendiri dengan membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah yang sesuai.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 071

Kuala Lumpur,
18hb Ogos, 1973